

## **Parlimen: Reaksi kepada ucapan Perdana Menteri Perubahan sistem politik lambang kematangan S'pura**

*Berita Harian*, 29 January 2016

BEBERAPA perubahan yang akan dilakukan dalam sistem politik Singapura menunjukkan kematangan Singapura sebagai sebuah negara, kata beberapa pemimpin masyarakat dan penganalisis politik.

Perubahan itu akan menjadikan sistem politik lebih adil, persaingan lebih saksama dan perbincangan lebih bermutu tanpa mengetepikan kepentingan mana-mana pihak, terutama kaum minoriti.

Menurut mereka, perubahan yang dibentangkan Perdana Menteri Lee Hsien Loong itu - merangkumi semakan bagi jawatan Presiden Dipilih (EP); mengecilkan Kawasan Undi Perwakilan Kumpulan (GRC) dan memperbanyak kawasan undi perseorangan; dan menambah Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi (NCMP) - adalah baik bagi masa depan Singapura.

Mengenai EP, pemimpin akar umbi, Encik Muhammad Faizal Othman, berharap peluang mendapatkan Presiden Dipilih daripada kaum minoriti lebih cerah.

"Saya harap semakan ini akan memperhalusi syarat menjadi calon Presiden supaya hanyamereka yang benar-benar layak dapat bertanding kerana ia jawatan yang sangat tinggi dan dihormati," ujarnya.

Pengerusi Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Abdul Hamid Abdullah, berkata adalah lebih penting mempunyai calon yang betul dan berkualiti daripada pertimbangan etnik.

"Menyesuaikan sistem bagi memberi peluang lebih baik kepada calon daripada kaum minoriti adalah baik, tetapi ia mestilah berdasarkan merit, kelayakan dan kriteria yang ketat," kata beliau.

Presiden Taman Bacaan, Encik Abdul Halim Kader, berkata saranan itu menggariskan kesungguhan pemerintah meyakinkan rakyat tentang peluang bagi calon EP daripada kaum minoriti kerana di bawah sistem sekarang, terdapat pemimpin daripada kaum Melayu yang sudah memenuhi kriteria ditampilkan sebagai calon EP.

Zamil Iseas-Institut Yusof Ishak, Dr Norshahril Saat, berkata sistem putaran dan dipilih mungkin boleh digabungkan bagi EP, tetapi ini perlu dilakukan dengan hati-hati dengan mengekalkan piawaian tinggi.

Mungkin jawatan naib presiden daripada etnik berlainan boleh diwujudkan, sarannya.

Presiden Persatuan Bertindak Ginjal bagi Masyarakat Islam (MKAC), Encik Ameer Ali Abdeali, pula berasa pengundi Singapura sudah matang dan harus memilih calon terbaik sebagai presiden, bukan berdasarkan etnik atau agama.

Zamil penyelidik kanan Institut Pengajian Dasar, Dr Gillian Koh, berkata kriteria pemilihan calon harus mudah dan adil.

Beliau memberi contoh, jika jawatan itu telah diisi oleh seseorang daripada kaum sama selama dua penggal, jawatan bagi penggal selanjutnya itu mungkin boleh dibuka kepada calon kumpulan etnik lain yang memenuhi kriteria.

Mengenai NCMP, Encik Faizal dan Encik Abdul Hamid berkata lebih banyak NCMP menunjukkan pemerintah bersedia mendengar lebih banyak suara alternatif.

"Pemerintah mahu memastikan bahawa tidak ada monopoli pandangan, dan ini sejajar dengan aspirasi generasi muda," kata Encik Abdul Hamid.

"Ia memberi ruang bagi dasar-dasar dibahaskan dan lebih diperhalusi untuk kebaikan rakyat," kata Encik Muhammad Faizal.

Presiden Pertapis, Encik Hussaini Abdullah, dan pengerusi Mesra, Encik Omar Ismail, berkata perubahan itu memberi peluang kepada pembangkang menunjukkan kebolehan walau kalah dalam pilihan raya, dan berharap ia akan meningkatkan mutu perbahasan.

Mungkin elaun NCMP juga perlu disemak, kata Encik Abdul Halim.